



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**

Aras 5, Blok Menara, Bangunan
Menara Usahawan No.18, Persiaran
Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650
Faks (Fax): 603-8880 5646
Laman Web (Web): www.eaic.gov.my

**MAKLUM BALAS KEPADA ARTIKEL MALAYSIAKINI
- PEGAWAI IMIGRESEN DISIASAT DALANG 'SINDIKET VISA
PERUBATAN' - SUMBER**

Putrajaya, 8 Oktober 2024 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mengesahkan telah hadir ke Bahagian Visa, Pas dan Permit Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Putrajaya dan melaksanakan penyitaan ke atas 156 fail permohonan Pas Lawatan Sosial (kategori Pas Rawatan), selaras dengan seksyen 41 Akta 700.

Sitaan tersebut dijalankan susulan aduan yang diterima berhubung dakwaan Pegawai JIM yang dikatakan mengeluarkan Pas Lawatan Sosial (kategori Pas Rawatan) kepada warga asing tanpa mematuhi prosedur.

Sehubungan itu siasatan penuh sedang dijalankan ke atas aduan tersebut, selaras dengan subseksyen 27(4) yang dibaca bersama dengan subseksyen 26(3) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)